

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Jelapang Padi di kawasan Stumbin-Tg. Bijat Sri Aman.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar merupakan peneraju utama sektor padi di Negeri Sarawak yang merangkumi kawasan penanaman padi di Stumbin, Bijat, Gran, Entulang, Seduku dan Lingga-Banting seluas 5,100 hektar.
2. Sehingga kini, Pakej Bijat-Stumbin Fasa 1 seluas 1,500 hektar telah siap dibangunkan dengan sistem pengairan hingga ke peringkat *secondary pipeline*. Manakala, Pakej Bijat-Stumbin Fasa 2 (Seduku) masih lagi dalam peringkat penyediaan '*detail design*' untuk dimasukkan dalam Makmal Pengurusan Nilai (*Value Engineering* atau VE) dan ianya dijangka akan ditender pada tahun 2021.
3. Beberapa kawasan di Tanjung Bijat seluas 196 hektar juga telah dilengkapi dengan *tertiary pipeline* melalui Projek Pemacu Pertanian (*Entry Point Project - EPP11*) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pemodelan Pertanian, Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah (MANRED) Sarawak. Manakala, kerja-kerja di lapangan sedang dilaksanakan oleh syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai syarikat peneraju.
4. Selain itu, pembangunan infrastruktur di kawasan Lingga-Banting berkeluasan 2,100 hektar dengan anggaran kos sebanyak RM270 juta akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa. Pakej Lingga-Banting Fasa 1 telah mula dilaksanakan mulai 23 Mac 2020 dan dijangka selesai sepenuhnya dalam tempoh 30 bulan. Manakala pelaksanaan Pakej Lingga-Banting Fasa 2 dan Fasa 3 pula akan dimohon dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) kelak.

Sekian, terima kasih.